

**MERBAU HITAM PUTIH**  
Black-and-White Bulbul

FAMILI: Pycnonotidae  
NAMA SAINTIFIK: *Pycnonotus melanoleucos*



**CIRI-CIRI**

Bagi burung jantan dewasa, ia tidak sukar untuk dikenalpasti kerana mempunyai warna keseluruhan yang seragam iaitu coklat kehitaman dan kontras dengan bahagian bulu penutup sayap atas dan bawah yang berwarna putih. Bagi burung betina dewasa pula, ia lebih coklat berbanding burung jantan dan warna putih pada sayap juga agak kurang. Bagi burung juvenil, ia lebih pudar dan coklat terutama di bahagian bawah di samping kurang jelas warna putih yang terdapat pada sayap.

**SAIZ**

Saiz keseluruhan burung ini adalah 18 sm.

**MAKANAN**

Ia memakan buah-buahan seperti dari jenis beri, serangga, nektar dan pucuk bunga.

**HABITAT**

Burung ini mendiami kawasan hutan tanah pamah dipterokap dan di hujung hutan hingga ke ketinggian 1,830 m dari aras laut.

**BUNYI**

Ia berpindah rendah (nomadic) dan sering dilihat di atas kanopi pokok, dan mengeluarkan bunyi tidak bernada *pet-it*.

**PEMBIAKAN**

Musim membiak bagi spesies ini masih belum dapat diketahui manakala sarang yang dibina pula berbentuk seperti cawan.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelindungi sepenuhnya.  
IUCN, hampir terancam.